

Pentahkikan Kitab *Hadith 40* Terjemahan dan Syarahnya

BITARAVolume 2, Issue 4, 2019: 016-026
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Ahamad Asmadi Sakat,¹ Fadlan Mohd Othman¹ & Hamzah Jummat¹

Abstrak

Kewujudan kitab-kitab agama yang ditulis dalam bahasa Melayu di Alam Melayu, sangat berharga bagi masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan Nusantara amnya, terutamanya yang masyhur dan masih dimanfaatkan masyarakat kerana ia menjadi sumber bacaan bagi golongan yang tidak dapat memahami bahasa Arab. Salah satu daripada kitab-kitab tersebut ialah kitab *Hadith 40* (Terjemahan dan Syarahnya) karangan Mustafa ^oAbdul Rahman terbitan Dewan Pustaka Fajar. Walau bagaimanapun, kitab-kitab warisan ilmiah seperti ini perlu melalui pentahkikan yang bersifat menyeluruh agar penyampaian ilmu agama yang benar dan betul dapat disalurkan kepada masyarakat. Pentahkikan dapat melonjakkan nilai ilmiah kitab-kitab ini, menolak sebarang keraguan padanya dan memberi nilai tambah kepada kandungannya malah diyakini akan mengukuhkan lagi kedudukannya serta menjadikannya lebih berautoriti. Pentahkikan yang dimaksudkan dalam konteks tulisan ini bukan tertumpu kepada karya dalam bentuk manuskrip ataupun usaha mengalihkannya daripada versi Jawi kepada versi Rumi mahupun pengubahsuaian bahasa daripada susunan bahasa Melayu lama kepada bahasa Melayu moden, malah pentahkikan yang bersifat menyeluruh, menganalisis setiap fakta dan ulasan yang dikemukakan pengarang asal. Tulisan ini menyorot kitab *Hadith 40* (Terjemahan dan Syarahnya) sebagai contoh kepada kitab-kitab khazanah Alam Melayu dan sudut-sudut analisis yang selayaknya dilakukan dalam pentahkikan terhadapnya. Ini bertepatan dengan usaha memulihara pusaka bangsa agar terus kekal dimanfaatkan ummah dan dengan harapan warisan ilmiah Melayu dapat dilestarikan.

Kata Kunci

Kitab *Hadith 40*; terjemahan; hadith; syarah

Cite This Article:

Ahamad Asmadi Sakat, Fadlan Mohd Othman & Hamzah Jummat. 2019. Pentahkikan kitab *Hadith 40* terjemahan dan syarahnya. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(4): 016-026.

Pengenalan

Dalam bahasa Melayu, kitab *Hadith 40* (*Terjemahan dan Syarahnya*) karangan Mustafa ^oAbdul Rahman terbitan Dewan Pustaka Fajar, sebagaimana yang dinyatakan Haziyah Hussin, Mohd. Arif Nazri dan Nur Farhah Zainan Nazri (2012) menjadi antara rujukan utama kepada masyarakat Islam di Malaysia untuk memahami teks-teks hadis selain *Mastika Hadis*, malah dijadikan teks usrah di kalangan pelajar di sekolah-sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi. Sejak ia mula diterbitkan pada tahun 1964, ia kekal mendapat tempat yang baik dalam

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Fadlan Mohd Othman, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor MALAYSIA,
E-mail: fadlan@ukm.edu.my

kalangan masyarakat sehingga kini. Satu kajian tinjauan yang dijalankan Mohd. Norzi Nasir et al. (2016) mengenai kitab-kitab hadis dalam pengajian di masjid-masjid Selangor pula menghasilkan kesimpulan bahawa kitab *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya)* ini mudah diterima oleh masyarakat dan menjadi di antara kitab utama pengajian hadis di masjid-masjid. Prof. Fuad ‘Ali Mukhaymar menjelaskan:

التحقيق مفيد جداً لنصوص الكتب المخطوطة أو الكتب المطبوعة طباعة قديمة؛ لأن المحقق يقوم بتحرير النص وتأصيله، وإسناد الأقوال إلى أصحابها من كتبها الأصلية، وإذا كان هناك ألفاظ زائدة تؤدي إلى خلل في النص، أي نص الكتاب الأصلي، تصرف فيها ويشير إلى هذا في الهامش، كما أن المحقق له تعليقات وتوجيهات، وبيان الغامض والمشكل من الألفاظ اللغوية، والإفصاح عن الأحكام الشرعية أو القراءات، وعزوها إلى قارئها.

Maksudnya: Pentahkikan amat bermanfaat kepada nas-nas (teks) kitab-kitab manuskrip atau kitab-kitab cetakan terdahulu kerana seorang yang melakukan tahkik, mengesahkan teks dan membetulkannya, menyandarkan pendapat-pendapat kepada pihak yang menyatakan pendapat-pendapat tersebut dengan rujukan kepada kitab-kitab asal dan sekiranya ada lafaz-lafaz tambahan yang menjadikan teks tidak sempurna, ia mengisyaratkan dan memberikan penjelasannya di bahagian nota kaki dan ia juga membuat ulasan dan penerangan, menerangkan yang kurang jelas dan yang musykil daripada pelbagai lafaz dari sudut bahasa, menjelaskan hukum-hukum Syariat atau kepelbagaian Qiraat dengan menyandarkan Qiraat kepada Qarinya. (<https://fatwa.islamonline.net/7147> tarikh asal terbitan 13.08.2001 [19hb Mei 2019])

al-Ghariaani (1989) pula telah menegaskan (terj.): “Makna Tahkik nas-nas al-Turath”: Tahkik manuskrip-manuskrip dan kitab-kitab ialah pengeluaran manuskrip-manuskrip dan kitab-kitab tersebut untuk manusia dan memudahkan mereka untuk mendapatkan faedah daripadanya dalam rupa bentuk yang diinginkan oleh pengarang asalnya atau yang hampir kepada itu, yang tidak dapat dicapai kecuali dengan memberikan sepenuh perhatian dan kesabaran dalam penyelidikan dan penelitian dan yang dimaksudkan dengan “al-Turath” dalam Bab al-Tahqiq: setiap satu yang sampai kepada kita dalam catatan bertulis yang ditinggalkan oleh orang-orang terdahulu dalam berbagai-bagai bidang ilmu, baik yang telah lama berlalu zamannya mahupun yang baru berlalu, selama mana ia dalam bentuk buku yang dicetak ataupun manuskrip. Kemudian beliau menyambung dengan tajuk: “Sebahagian buku yang telah dicetak (bukan manuskrip) berhajatkan kepada Tahkik”: Tahkik tidak terbatas pada Turath berupa manuskrip semata-mata malah sebahagian kitab-kitab yang telah dicetak lebih perlu untuk ditahkik berbanding sebahagian manuskrip kerana adanya salah ejaan, kesilapan dan sesuatu yang mengelirukan...jika ia (kesilapan itu) dalam perkara ilmu-ilmu Syariat dan hadis, kemungkinan mengakibatkan kekeliruan hukum yang halal dikatakan haram dan sebaliknya serta berlakunya kebohongan terhadap diri peribadi Rasulullah ketika mana yang bukan hadis dikatakan sebagai hadis... (al-Ghariaani 1989).

Kesimpulannya, kitab yang unggul di Alam Melayu ini, yang masih diguna pakai secara meluas dalam kalangan masyarakat, wajar diberikan perhatian berupa pentahkikan dan tidak selayaknya diabaikan disebabkan pengaruhnya terhadap pemahaman dan pengamalan agama

mereka. Sementelah, ia membicarakan persoalan-persoalan pokok dan dasar-dasar agama Islam.

Kepelbagaian Sudut Analisis dalam Pentahkikan

a. Sumber Hadis-hadis dan *Athar-athar* Serta Rujukan

Menurut kajian Haziyah Hussin et al (2012), pengarang kitab *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya)*, tidak menyatakan secara jelas pendapat-pendapat yang dipetik dan di mana pula beliau meletakkannya justeru menyukarkan pembaca mengesan bahan rujukan yang digunakan. Begitu juga ketika memetik hadis-hadis dan *athar-athar* lain, beliau hanya menyatakan sumber secara ringkas bagi sebahagian hadis. Jumlah hadis-hadis dan *athar-athar* yang ada dalam *Syarah* beliau termasuk “Bahagian Pertama” yang berjudul “*Pendahuluan Ilmu Hadith Ringkasan Ilmu Mustalah Hadith*”. ada sebanyak 280 hadis dan 101 *athar* keseluruhannya yang perlu dilakukan *takhrīj* agar diketahui sumber riwayat-riwayat tersebut dan sekali gus statusnya. Dr Mahmud al-Tahhan telah menegaskan: Tidak diragui bahawa pengetahuan berkenaan al-Takhrij adalah di antara yang terpenting yang sewajibnya diketahui oleh setiap yang berkecimpung dalam ilmu-ilmu Syariah dengan mengetahui prinsip-prinsipnya dan selok-beloknya agar ia mengetahui bagaimana untuk mendapatkan hadis daripada tempat-tempatnya (sumber-sumber) yang asal. Begitu juga faedah-faedah dan manfaatnya tidak dapat dinafikan, apatah lagi bagi mereka yang menceburi bidang hadis dan ‘ulum al-Hadith sebab dengan perantaraannya seseorang mendapatkan petunjuk di mana letaknya sesebuah hadis di tempat-tempat asalnya (yakni kitab-kitab) yang dikarang oleh para imam ahli hadis. Ini merupakan sesuatu yang amat diperlukan dan tidak wajar seorang penuntut ilmu berhujjah dengan apa jua hadis atau meriwayatkannya kecuali setelah ia mengetahui siapa yang telah meriwayatkannya daripada kalangan ulama pengarang kitab-kitab hadis di dalam kitabnya secara bersandaran (atau bersanad). Justeru al-Takhrij ini diperlukan oleh setiap pengkaji atau yang menceburi ilmu-ilmu Syariah dan yang berkaitan dengannya (al-Tahhan t.th).

Penjelasan Dr. Mahmud al-Tahhan wajar dijadikan dasar untuk dilakukan *takhrīj* 280 hadis dan 101 *athar* yang ada dalam kitab ini berpandukan garis panduan *takhrīj* sehingga setiap satu riwayat diketahui statusnya dan sumbernya yang asal dengan mengenalpasti *mutaba’ah* dan *shawahid* daripada sumber-sumber asal (*al-Masadir al-Asliyyah*) atau sumber-sumber yang menyerupai asal (*Shibhu al-Asliyyah*) ataupun sumber-sumber yang tidak asal (Ghairu al-Asliyyah) sebagaimana yang dinyatakan dalam bidang *takhrīj* (Abu al-Layth 2004).

Demikian pula pada bahagian “Riwayat ringkas Imam-imam Hadith yang termasyhur” dan “Sejarah ringkas peribadi Imam Nawawi”, beliau tidak mendatangkan sumber rujukan ketika mengemukakan biografi mereka. Shaykh Muhammad ‘Awwamah menjelaskan: Pemeliharaan ini – (pemeliharaan) al-Kitab dan al-Sunnah – memestikan beberapa perkara, antaranya: pemeliharaan jalur-jalur yang menyampaikan al-Kitab dan al-Sunnah kepada kita. Pemeliharaan jalur-jalur ini pula dilakukan dengan menukilkan (meriwayatkan) dan mencatatkan dalam bentuk tulisan (tadwin) dan dengan pembelajarannya dan penelitian terhadap para perawinya, jika tidak tentunya tidak akan dapat diketahui dan dibezakan kemasukan anasir asing daripada yang asli (‘Awwamah 1992). Beliau menekankan peri

pentingnya penelitian terhadap para perawi dan pemeliharaan sumber agar dapat dikenalpasti mana yang benar dan mana pula sebaliknya.

Sebagai satu usaha menjadikan masyarakat mengamalkan dengan sebaiknya, pesanan Allah agar mengambil ilmu daripada sumber yang dipastikan kebenarannya, bukan sekadar *takhrīj* hadis-hadis dan *athar-athar*, malah satu kajian pentahkikan yang menyeluruh terhadap kitab ini wajar diusahakan.

Firman Allah yang bermaksud, "...Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tiada ilmu tentangnya..." (Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini dibuat oleh pengkaji kecuali kalau dinyatakan sebaliknya) Begitu juga ajaran yang diwarisi umat daripada ulama terdahulu, misalnya kata Imam Ibn Sirin (al-'Asqalani 1992) rahimahullah (terj.): "Sesungguhnya ilmu itu (sumber) agama. Maka perhatikanlah daripada siapa kamu ambil agama mu." (Muslim 1999, 1:84). Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali (2018) menegaskan bahawa penyelidikan dalam Islam dilakukan supaya ilmu yang diperoleh itu memiliki sumber-sumber yang jelas dan sahih.

Pada bahagian *Muqaddimah* kitab Tafsir *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, al-Imam al-Qurtubi rahimahullah menjelaskan syarat beliau dalam penulisan maha karya beliau tersebut, yang sewajarnya dijadikan ikutan setiap pengarang bidang Ilmu-ilmu Syariat (terj.): Penyandaran sesuatu pendapat itu kepada orang yang mengatakannya (si empunya pendapat) dan hadis-hadis kepada para pengarang kitab hadis, kerana telah diungkapkan (ulama): Daripada keberkatan ilmu adalah bilamana disandarkan sesuatu pendapat itu kepada orang yang mengatakannya (si empunya pendapat), banyak diketemukan sesuatu hadis dalam kitab-kitab fiqah dan tafsir disebutkan secara tidak jelas (*mubham*), tidak diketahui siapa (daripada kalangan para Imam pengarang kitab hadis) yang menyebutnya kecuali orang yang menelaah kitab-kitab hadis, sehingga orang yang tidak mempunyai keahlian dalam hal itu jadi keliru, tidak mampu membezakan yang *Sahih* daripada yang tidak *Sahih* sedangkan pengetahuan berkenaannya ialah ilmu yang amat penting, maka tidak diterima hujjah dengannya dan tidak pula sandaran kepadanya sehingga disandarkan kepada para imam pengarang kitab hadis dan orang-orang kepercayaan (*Thiqat*) yang masyhur daripada kalangan ulama Islam (al-Qurtubi 2006).

Pentahkikan akan membantu para guru yang mengajar hadis dan menyampaikan ilmu menggunakan kitab ini dengan penuh keyakinan dengan adanya sandaran dan rujukan yang jelas serta maklumat yang tepat. Sidang pembaca dan para pelajar yang mengkaji kitab ini pula terdidik dengan sikap mengambil ilmu daripada sumber yang jelas. Semoga dengan berbekalkan ilmu yang sahih, dapat dihasilkan iman yang jernih, keikhlasan yang bersih serta amalan yang salih.

Usaha ini senada dengan yang dinyatakan oleh Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi: Penerbitan buku-buku bertema hadith dan ilmu-ilmunya membuka dimensi baru bagi ruh beragama dan mengenali Islam daripada sumber-sumbernya yang dijaga ketulenan oleh para alim ulama sepanjang zaman. Ia adalah suatu fenomena yang positif di mana orang awam akan lebih berhati-hati mengambil dan mengamalkan urusan kepercayaan dan praktikal agama mereka malah para penceramah akan menjadi lebih teliti dan ilmiah dalam penyampaian mereka kerana mempunyai kesedaran bagi memastikan bahan penyampaian mereka khususnya yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW iaitu hadith atau sunnah adalah bersih daripada

sebarang kecacatan yang membawa kepada status lemah dan palsu (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi 2018).

b. Maklumat dan Penyebutan atau Ejaan Nama Perawi dan *A'lam* perlu diperbetulkan.

Kewujudan beberapa maklumat yang kurang tepat dan tersilap merangkumi beberapa perkara dengan nukilan contoh-contoh berikut yang membuktikan keperluan dan kepentingan pentahkikan.

i. Kesalahan Cetakan

Di bawah tajuk: “*Bahagian-Bahagian Nama Hadith*”; pada turutan yang keempat halaman 22, mengenai hadis *Hasan* beliau mengemukakan hadis berikut sebagai contoh hadis *Hasan*: “زكاة الجنين زكاة أمه” dengan huruf “ز” (zay) manakala yang tepat ialah dengan huruf “ذ” (dhal) bukan huruf “ز” (zay), iaitu sepatutnya hadis ini ditulis begini: “زكاة الجنين زكاة أمه” sebagaimana dalam *al-Muʿjam al-Mufaharas li Alfāz Aḥādīth an-Nabawi*: Jil. 2 hlm. 183 dan *Sahih al-Jāmiʿ al-Ṣaghīr wa Ziyadatuhu*: hadis no: 3431 dan tiada riwayat dengan lafaz yang sama dengan huruf “ز” (zay). Begitu juga perkataan “Ihtiyat – احتياط” pada halaman 144, dieja Ihtiyad. (Mustafa 2017)

Di bawah tajuk “Istilah Yang Dipakai Untuk Martabat Hadith-Hadith Sahih” pada turutan kelima halaman 24 dan edisi Jawi halaman 22: “5. Hadith Daʿif: iaitu hadith yang mempunyai syarat hadith sahih dan tidak pula syarat hadith hasan,...”. Jelas, perkataan “tidak” tertinggal dan sepatutnya “5. Hadith Daʿif: iaitu hadith yang tidak mempunyai...”. kesilapan cetakan ini berlaku dalam kedua-dua cetakan edisi Rumi (Mustafa 2017) dan edisi Jawi (Mustafa 2000).

Maka dilakukan “taqwim al-nusus” atau pembetulan teks dengan merujuk penjelasan-penjelasan menurut teks asal yang ada di dalam kitab-kitab rujukan beliau dan kitab-kitab hadis dan istilah-istilahnya serta kamus-kamus bahasa Arab dan lainnya, menurut perbahasan yang berkenaan.

ii. Fakta yang Kurang Tepat dan Tersilap

Pada Hadis ketiga, pada bahagian permulaan “syarahannya”, beliau menyebutkan biografi Ibn ‘Umar sebagai berikut: “...Di waktu peperangan Tabuk, beliau tidak diperkenankan turut berperang kerana umurnya masih muda. Tetapi dalam peperangan Khandak beliau ikut sama berperang dengan Umat Islam...” (Mustafa 2017), jelas perlu diperbetulkan keterangan ini kerana diketahui dalam sejarah, peperangan Khandaq atau Ahzab berlaku pada tahun kelima Hijriyah (5H) manakala peperangan Tabuk pula terjadi pada tahun sembilan Hijriyah (9H). Kitab *Tahdhīb Siyar al-Aʿlām al-Nubalāʾ* menyebutkan tentang Ibn ‘Umar sebagai berikut: Beliau memeluk Islam ketika masih kecil dan berhijrah bersama bapanya sebelum mencapai umur baligh, beliau tidak dapat menyertai Uhud kerana masih terlalu muda, maka peperangan pertama yang beliau turut serta ialah Khandaq.... (al-Dhahabi 1992). Ibn ‘Imad dalam *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab* menyebutkan berlakunya peperangan Khandaq di bawah tajuk “al-Sanah al-Khamisah” yakni Tahun Kelima Hijriyah, manakala peperangan Tabuk pula pada bahagian “al-Sanah al-Tasiʿah” yakni Tahun Kesembilan Hijriyah (Ibn ‘Imad 1986).

Kemungkinan kesilapan ini terbit daripada kesilapan sumber rujukan beliau ataupun yang beliau maksudkan peperangan Uhud bukan Tabuk. Jelas sukar dipastikan apakah sumber rujukan beliau kerana beliau tidak menjelaskannya. Namun yang penting, kajian ini bertujuan membetulkan kesilapan ini dan lainnya dengan menemukan fakta-fakta yang betul dan tepat yang ada dalam tulisan ulama seperti *Siyar al-A'lam al-Nubala'*, *Shadharat al-Dhahab*, *Taqrib al-Tahdhib* dan lainnya, yang menjelaskan biografi atau biodata ulama dan para perawi.

Begitu juga penjelasan beliau mengenai “Pengertian Sunnah”, kata beliau: “Selanjutnya pernah juga dinamakan sunnah itu suatu yang ditunjuki oleh dalil syara’, baik berdasarkan dalil Qur’an atau pun berdasarkan hadith, mahupun berdasarkan ijtihad para sahabat, seperti mengumpulkan mushaf (Qur’an) dan menyuruh manusia membaca menurut suhuf ‘Uthman, dan seperti membukukan ilmu (menyusun dan mengarangnya)” (Mustafa 2017). Definisi al-Sunnah yang beliau sebutkan ini, sebenarnya merupakan terjemahan pengertian al-Sunnah yang dijelaskan oleh al-Imam al-Shatibi rahimahullāh. Namun beliau menterjemahkan frasa “و تدوين و الدواوين” dengan makna “dan seperti membukukan ilmu (menyusun dan mengarangnya)”, yang ada dalam penjelasan al-Imam al-Shatibi berikut: *كما فعلوا في حد الخمر... و حمل الناس على القراءة بحرف واحد من الحروف السبعة و تدوين الدواوين و ما أشبه ذلك*

Walhal yang dimaksudkan bukan “membukukan ilmu (menyusun dan mengarangnya)” yang berkemungkinan difahami dengannya membukukan ilmu, menyusun dan mengarangnya adalah Sunnah secara mutlak. Tetapi sebenarnya “Tadwin al-Dawawin” merujuk kepada catatan senarai nama para perajurit, harta Baitulmal dan seumpamanya, yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Umar bin al-Khattab, yakni masih berkaitan dengan amalan dan ijtihad para Sahabat (al-Shatibi 1997). Masalahnya, beliau rahimahullāh tidak menyebutkan sumbernya. Walaupun beliau bermaksud memperluaskan pemahaman terhadap pengertian al-Sunnah, namun penjelasan beliau berkemungkinan menimbulkan kekeliruan. Dengan pentahkikan seperti ini, didapatkan pengertian yang asalnya dijelaskan oleh al-Imam al-Shatibi rahimahullāh, menjadi jelas maksud sebenar pengertian al-Sunnah kepada sidang pembaca. Meskipun kitab ini telah berulang kali dicetak dengan cetakannya yang terkini pada tahun 2017, namun tiada bukti dokumentasi adanya pihak yang mengusahakan pembetulan kesalahan-kesalahan cetakan dan kesilapan fakta-fakta tersebut. Dengan kata lain, ia menjadi tanggungjawab ahli akademik pengajian Islam sebagai satu sumbangan kepada masyarakat untuk mengusahakannya.

Dijelaskan dalam kitab *Dabt al-Nas wa al-Ta’liq ‘alayhi*, pada perbincangan yang ketujuh “*Naqd al-Nas*” (Analisis nas) (terj.): ...seorang muhaqqiq (pengkaji yang membuat tahkik) yang teliti sewajarnya menonjolkan dan membawa kepada perhatian pembaca bahan Turath itu, perkara-perkara berupa kekeliruan pengarang asal lalu menjelaskan sehingga lenyap kekeliruan tersebut dengan disertai sokongan dalil kerana pengarang asal seorang manusia biasa, adakalanya benar dan adakalanya tersilap, maka seharusnya seorang muhaqqiq, jika mampu, menemukan kesilapan tersebut (dan membetulkannya) (Bashshar Ma’ruf 1982).

iii. Penyebutan atau Ejaan Nama Perawi dan *A’lam* yang kurang tepat

Kata Imam al-Nawawi rahimahullah (terj.): “Tujuan di sebalik penerangan biografi golongan Sahabat dan selain mereka ialah penjelasan nama, *kunyah*, *nasab*, negeri, kelahiran dan kewafatan serta *manaqibnya* (keutamaan) yang tertinggi, peristiwa-peristiwa yang terpenting

dalam kisah hidupnya, digabungkan sekali para ahli fiqah Mazhab kami daripada sudut siapa guru-gurunya, barisan anak-anak muridnya, apa karyanya dan sama ada karyanya berharga atau tidak, apakah ia dijadikan anutan atau tidak, apakah ia sedikit perselisihan terhadap Mazhab atau banyak. Anda akan melihat dalam segala (perbahasan) itu tadi, (pembentangan) yang menyejukkan pandangan mata yang menjadi penyebab yang mendorong anda suka untuk mengkaji kitab-kitab ulama daripada pelbagai bidang. Kemudian beliau rahimahullah menyambung: Fasal: Ketahuilah bahawa pada pengetahuan mengenai nama-nama *al-Rijal*, keperibadian mereka, kata-kata mereka, kedudukan-kedudukan mereka terdapat faedah-faedah yang banyak. Antaranya, pengetahuan mengenai keutamaan mereka dan ciri-ciri keperibadian mereka sehingga seseorang itu dapat meneladani adab-adab mereka, mengambil yang baik daripada kesan-kesan peninggalan mereka...(al-Nawawi t.th). Kata al-Shaykh Mashhur Ali Salman (terj.): Para ahli hadis, sudah semestinya nama-nama mereka dipastikan sebutan dan ejaannya dengan betul agar tidak berlaku campur aduk antara mereka kerana yang ini “*Hibban* - حبان” manakala yang satu lagi “*Hayaan* - حيان” dan seorang lagi pula “*Jiyaan* - جيان” dan seumpamanya, (<http://meshhoor.com/fatwa/%D9%87%D9%84-> [19hb Mei 2019]).

Kesungguhan Ulama dalam usaha mereka memelihara sumber ilmu yang tulen dan asli telah mendorong mereka menitikberatkan penyebutan nama para perawi dan ulama dengan tepat demi mengelakkan kekeliruan di antara seorang perawi dan perawi lainnya serta diyakini sumber ilmu itu daripada orang yang diterima penyampaian ilmunya seperti mana yang telah dijelaskan. *Kitab Hadith 40* (Syarah dan Terjemahannya mengandungi beberapa ejaan atau penyebutan nama al-A‘lam (para perawi, ulama dan orang-orang yang masyhur) yang kurang tepat. Misalnya, penyebutan nama Qadi yang masyhur iaitu “*Shurayh*” yang ditulis “*Syurih*”, “al-Harith al-Muhasibi” dieja “al-Muhasabi”, “al-Fudayl bin ‘Iyad” disebut “Fadil ibn ‘Iyad (seorang ‘ulama’ Tasawuf yang wafat pada 187H, asal dari Kufah dan menetap di Mekah)” (Mustafa 2017).

- c. Perbahasan Fiqah, Tafsiran ayat-ayat al-Qur’an dan Kesimpulan-kesimpulan yang perlu Diperhalusi dan diberi Penilaian Semula

Apabila perbahasan fiqah dibincangkan oleh ulama, ada beberapa ketentuan yang digariskan oleh ulama. Contoh karya-karya yang baik, yang menzahirkan garis panduan ini ialah kitab *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid* karya al-Imam Ibn Rushd al-Hafid (w: 595H) rahimahullah (Ibn Rushd 1982) dan kitab Tafsir al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an atau lebih masyhur dengan gelarannya Tafsir al-Qurtubi (w: 671H) rahimahullah (al-Qurtubi 2006). Permasalahan fiqah dikupas menurut urutan berikut: Permasalahan yang berlaku padanya kesepakatan ulama (*al-Ijma’*), permasalahan yang disepakati mazhab tertentu sahaja, permasalahan yang berlaku padanya perselisihan ulama. Selanjutnya didapatkan gambaran atau *tasawur* yang tepat terhadap permasalahan, mengenal pasti punca sebenar perselisihan, mendapatkan pendapat-pendapat daripada sumber-sumber yang bernas yang mewakili pendapat setiap pihak yang berselisihan, pencarian dalil yang terkuat yang dinyatakan sebagai hujah setiap pendapat dengan perincian martabat dalil-dalil tersebut daripada sumber-sumbernya sama ada nas al-Qur’an, nas al-Sunnah atau dalil-dalil yang umum. Kemudian dilakukan penilaian dan perbahasan dalil-dalil dan hujah. Akhir sekali dilakukan *tarjih*, saringan pendapat dan hujah yang paling kuat. Setelah itu, diberikan sebab dan keuzuran atas

kelemahan pendapat yang lemah agar ulama dihormati dan dimuliakan serta terpelihara daripada pemahaman yang silap dalam perkara perselisihan pendapat ulama (al-Sa'id 2010).

Ketika membincangkan permasalahan fiqah, sebagai satu contoh, Ustadh Mustafa rahimahullah menulis seperti berikut: “Menurut pendapat kebanyakan ‘ulama’ bahawa niat adalah wajib untuk suatu ‘amal. Mereka tidak berselisih faham tentang wajibnya. Hanya dalam perkara ‘ibadat yang dipertikaikan tentang adakah ‘ibadat itu berdiri atau hanya sebagai satu syarat sah. Misalnya, seperti bersuci (*wudu*): golongan yang berpendapat bahawa *wudu*’ itu ‘ibadat yang sendiri mengatakan wajib niat untuk maksudkannya. Inilah pendapat Imam Syafi’i, Maliki, dan Ahmad. Tetapi mereka yang berpendapat bahawa *wudu*’ itu hanya sebagai syarat sah sembahyang – seperti syarat menghilangkan najis atau menutup ‘aurat – mengatakan pula niat itu adalah untuk menyempurnakannya sahaja. Demikianlah menurut pendapat Imam Abu Hanifah ” (Mustafa 2017).

Meskipun dapat difahami bahawa beliau rahimahullah bermaksud menjelaskan dengan pendekatan yang mudah difahami bahawa adanya perselisihan pendapat ulama agar sidang pembaca mendapatkan ilmu tambahan, namun dari sudut amanah ilmiah, permasalahan fiqah sebaiknya dijelaskan menurut garis panduan tersebut disertai sumber rujukannya.

d. Kesimpulan-kesimpulan yang perlu diberi Penilaian Semula

Begitu juga beberapa kesimpulan yang dibuat oleh Ustadh Mustafa rahimahullah yang perlu diperhalusi, terutamanya yang dikhuatiri akan menyumbang kepada pemahaman yang negatif dalam kalangan para pembaca. Pada kesempatan ini disebutkan beberapa contoh:

Ketika menjelaskan mengenai “*Hadith Mawdu*” di bawah tajuk utama: “Ilmu Mustalah Hadith” beliau menyebutkan seperti berikut pada halaman 29 (Mustafa 2017): “...umat Islam di kala itu pecah menjadi beberapa golongan: Pertama: Golongan Sayyidina ‘Ali, yang kemudian dinamakan golongan Syi’ah. Kedua: Golongan Khawarij, yang menentang ‘Ali dan Mu’awiyah. Ketiga: Golongan yang memegang tampuk kerajaan pada masa itu.”

Pembahagian ini perlu diperhalusi demi mengelakkan salah faham dan lebih terpelihara daripada kekeliruan jika dibahagikan seperti berikut: Kaum muslimin ketika itu terbahagi kepada 3 golongan; al-Shi’ah, al-Khawarij dan al-Jama’ah (al-Qattan 1996).

Demikian pula kata beliau ketika menerangkan tajuk “Tanda-tanda hadith maudu” (hlm. 35) beliau menyebutkan (hlm. 38): “Demikian pula hadith yang menerangkan keadaan keutamaan dan kesialan satu-satu hari seperti hadith:...” (Mustafa 2017), meskipun yang beliau contohkan adalah hadis-hadis palsu, namun ada beberapa hadis sahih mengenai keutamaan hari Jumaat dan beberapa hari yang lain, dan beliau menyebutkannya secara umum tanpa pengecualian yang boleh menyebabkan pembaca yang kurang ilmu membuat kesimpulan bahawa setiap hadis yang menyebutkan keistimewaan dan keutamaan hari tertentu, semestinya hadis palsu (al-Albani 1988).

e. Tafsiran ayat-ayat al-Qur’an yang perlu diberi Penilaian Semula

Mengenai tafsiran ayat al-Qur’an yang perlu diperhalusi pula, contohnya, sewaktu mensyarahkan Hadith 6, mengenai halal, haram dan perkara yang samar-samar hukumnya. Di bawah tajuk: “Memelihara dari *Syubhat* dan Mengerjakannya”, beliau menyebutkan berikut:

Ini bererti bahawa apabila seseorang telah pernah melakukan kederhakaan, akan meningkat lagi kepada melakukan kerosakan (kejahatan) yang lebih besar daripadanya. Inilah yang diisyaratkan Allah pada firmanNya: Dan mereka (Bani Isra'el) membunuh nabi-nabi dengan tiada hak. Yang demikian itu kerana mereka telah derhaka (pada mulanya) dan adalah mereka (pada akhirnya) melampaui batas (ayat 112 Surah Ali –‘Imran) (Mustafa 2017). Terjemahan tersebut tidak sama dengan terjemahan JAKIM: dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas (<http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran> [26April2019]). Beliau tidak menyatakan sumber rujukan bagi tafsiran beliau, sedangkan kesimpulan beliau seolah-olah mengandungi maksud bahawa orang yang telah menderhaka Allah akan semakin jauh dan melampau dalam kederhakaan dan tiada jalan taubat. Semestinya kesimpulan ini perlu diperhalusi, meskipun difahami maksud baik beliau agar kederhakaan terhadap Allah dijauhi sama sekali.

Demi memelihara Tafsir al-Qur'an agar tidak terdedah kepada penyelewengan disebutkan secara ringkas berkenaan syarat-syarat kelayakan untuk mentafsir al-Qur'an berpandukan salah satu di antara bahan rujukan yang terbaik iaitu kitab *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* karangan al-Imam as-Suyūti (as-Suyūti 1994). Malah dijelaskan juga sudut-sudut dan sebab-sebab berlakunya penyelewengan dalam tafsir seperti yang diperincikan antaranya oleh Dr. al-Khalidi dalam kitab beliau *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin* (al-Khalidi 2008) dan ada juga diterangkan oleh Dr Husayn al-Dhahabi dalam bahagian "*al-Lawn al-Ihadi li al-Tafsir fī 'Asrina al-Hadir*" dalam kitab beliau "*al-Tafsir wa al-Mufasssirin*".

Ulama telah menyusuri dua jalan dalam menilai hadis-hadis, sama ada jalan para ahli fiqah ataupun jalan para ahli hadis, sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian *al-Naqd al-Hadithi bayna al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin*, (<https://www.alukah.net/sharia/0/108876/> tarikh asal terbitan 24.10.2016 [19hb Mei 2019]). Perlu diteliti sama ada Ustadh Mustafa, mengambil jalan para ahli hadis atau jalan para ahli fiqah ataupun beliau menilai hadis-hadis menggunakan pendekatan tersendiri.

Kesimpulan

Justeru, demi menjadikan buku yang amat popular ini mempunyai nilai tambahannya, semestinya dilakukan pentahkikan agar dapat disempurnakan tujuan murni pengarangnya iaitu membudayakan Sunnah Rasul Allah SAW dalam kalangan masyarakat dan sekali gus dilestarikan usaha baik beliau ini serta diharapkan kajian semula ini menjadikan setiap pihak mendapatkan pahala yang bertali arus setiap kali buku ini dibaca atau dipelajari dengan mendapatkan sumber ilmu yang sahih. Kajian pentahkikan yang bersifat menyeluruh seperti ini dapat menjadi satu bahan rujukan dalam bahasa Melayu yang membantu para pengkaji mengetahui sumber-sumber hadis dan *āthār* yang ada di dalam kitab ini dengan adanya *takhrij*. Kajian ini juga dapat membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara kesucian Sunnah Rasulullah SAW serta mengajarkan sikap yang tepat kepada masyarakat dalam berhadapan dengan setiap yang didakwa sebagai hadis Rasulullah SAW dan riwayat daripada para Sahabat dan ulama.

Rujukan

- al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn. 1408H/1988. *Sahih al-Jāmi‘ al-Saghir*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- Abu al-Layth, Muhammad Shams al-Din al-Khayr Abadi. 1425H/2004. *Takhrij al-Hadith Nash‘atuhu wa Manhajyyatuhu*. Deoband: Ettihad BookDepot.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. 2018. Faktor dorongan dan proses penerbitan terjemahan kitab *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da‘if* ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(4): 096-109.
- al-‘Asqalānī, al-Hāfiz Ahmad Ibn Hajar. Tahqīq Muhammad ‘Awāmah. 1412H/1992. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Syria: Dār al-Rashīd.
- al-Dhahabi, al-Imām al-Hāfiz Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad. 1413H/1992. *Siyar al-A‘lām al-Nubalā’*. *Tahdhīb Ahmad Fayz al-Humsay*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1421H/2000. *At-Tafsīr wa al-Mufasssirūn*. Beirut: Dār al-Yūsuf.
- Bashshar, ‘Awwad Ma‘ruf. 1402/1982. *Dabt al-Nas wa al-Ta‘liq ‘alayhi*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- al-Gharyani, al-Sadiq ‘Abd al-Rahmān. 1989. *Tahqiq Nusus al-Turath fi al-Qadim wa al-Hadith*. Tripoli: Manshurat Mujamma‘ al-Fatih li al-Jami‘at.
- Haziyah Hussin, Mohd. Arif Nazri & Nur Farhah Zainan Nazri. 2012. Mustafa Abdul Rahman (1918M – 1968M) dan Kitab Hadis 40 (Syarah dan Terjemahannya). Dlm. Mazlan Ibrahim, Haziyah Hussin & Latifah Abdul Majid (pnyt.). *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, Bab 12 hlm. 156-167. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibnu Rushd al-Hafid Abu al-Walid, Muhammad bin Abi al-Qasim. 1402H/1982. *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2019. Terjemahan al-Quran. <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran> [26April2019]
- al-Khalidi, Salah ‘Abd al-Fattah. 1429H/2008. *Ta‘rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Alu Salman, Mashhur bin Hasan. *Hal ullifat kutubun munfaradah fi Dabt Asma’ al-Ruwat* <http://meshhoor.com/fatwa/%D9%87%D9%84-> [19hb Mei 2019]
- Mohd. Norzi Nasir, Mohd Khafidz Soroni, Rosni Wazir, Muhammad Fairuz A. Adi & Nor Asyikin Hasan Adali. 2016. Kitab-kitab Hadis dalam Pengajian di Masjid-masjid Selangor: Kajian Tinjauan. Dlm E-Proceeding of the 1st INHAD (International Muzakarah and Mukhtamar on Hadith) hlm. 1-12. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawī*. 1967. Leiden: E.J. Brill.
- Mukhaymar, Fuad ‘Ali. *Tahqiq al-Kutub*. <https://fatwa.islamonline.net/7147> tarikh asal terbitan 13.08.2001 [19hb Mei 2019]
- Muslim, al-Imām Muslim bin Hajjaj al-Naisābūrī. 1347H/1929. *Sahīh Muslim bi Sharhi al-Imām al-Nawawī*. Mesir: al-Matba‘ah al-Misriyah bi al-Azhar.

- Mustafa ‘Abdul Rahman. 2017. *Hadith Empat Puluh (Terjemahan dan Syarahnya)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa ‘Abdul Rahman. 2000. *Hadith Empat Puluh (Terjemahan dan Syarahnya)*. Ed. Jawi. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. t.th. *Tahdhib al-Asma’ wa al-Lughat*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- al-Qattan, Manna’. 1417H/1996. *Tarikh al-Tashri’ al-Islami*. Riyadh: Maktabat al-Ma‘arif.
- al-Qurtubī, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1427H/2006. *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Beirut : Muassasah al-Risālah.
- al-Sa‘id, Khalid bin ‘Abd al-‘Aziz. 1431H/2010. *Ta’sil Bahthi al-Masa’il al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Dar al-Maymān.
- al-Sadiqi, ‘Abd al-Razzaq. *al-Naqd al-Hadithi bayna al-Fuqaha’ wa al-Muhaddithin* <https://www.alukah.net/sharia/0/108876/> tarikh asal terbitan 24.10.2016 [19hb Mei 2019]
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa al-Lakhmi. Tahqiq Mashhur bin Hasan Alu Salman. 1417H/1997. *al-Muwafaqat*. Khobar: Dar Ibn ‘Affan.
- al-Tahhan, Mahmud. t.th. *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Beirut: Dar al-Qur’an al-Karim.